



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	6/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	KeTSA/JPSM/FRIM			

Sistem pilih pokok matang kawal penebangan hutan

Pembalakan, pembukaan tanah antara puncaancam spesies tumbuhan

Oleh Zanariah Abd Motalib
zanariah_motalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ancaman terhadap kepupusan spesies pokok di kawasan hutan simpan yang diberi kebenaran bagi aktiviti pembalakan (usahasil) di negara ini adalah terkawal berikutan pelaksanaan Sistem Pengurusan Memilih (SMS) bagi penebangan pokok.

Profesor Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Hasmadi Ismail, berkata sistem itu akan memilih pokok yang sesuai untuk ditebang berdasarkan had batas tebang (30 hingga 40 sentimeter (sm) pepang paras dada) dan mengambil kira jumlah

stok dirian hutan yang sedia ada dalam usahasil.

"Dirian tinggal ini menjamin hutan yang diusahakan itu akan mempunyai stok yang mencukupi untuk tebang seterusnya iaitu 30 tahun atau 55 tahun.

"Sebenarnya, pengurusan hutan di Malaysia adalah setanding dengan kehendak dan taraf antarabangsa walaupun terdapat beberapa kejadian terencil pembalakan haram dan pelanggaran syarat pembalakan.

"Bagaimanapun, masih ada ruang untuk ditambah baik. Jika amalan pembalakan yang baik dipraktikkan, kesan bencana yang berpunca dari kawasan hutan dapat diminimumkan," katanya kepada BH.

Mohd Hasmadi, yang juga pakar dalam bidang geoinformatik (remote sensing dan sistem maklumat geografi) serta penuaian hutan, berkata antara punca yang membawa kepada ancaman spesies pokok di negara ini adalah pembalakan, pembukaan ta-

nah untuk pertanian dan ladang, penempatan serta industri.

Bagi memastikan spesies pokok di negara sentiasa terpelihara, katanya, kerajaan mubuhkan kawasan Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi (HCVF) di peringkat negeri bagi memelihara

spesies yang terancam dan membangunkan pelan tindakan spesies pokok hutan.

Selain itu, katanya, kajian Kawasan Tumbuhan Penting (IPA) turut dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 2017 di Terengganu dan kini, dijalankan dengan kerjasama Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, UPM untuk Semenanjung.

Beliau menyarankan pihak berwajib untuk melihat dan menilai ancaman kepupusan spesies pokok hutan negara secara spesifik kepada tahap spesies, bukan terhad kepada tahap kawasan berhutan.



Mohd Hasmadi Ismail

Keluarga	Kategori (Senarai Merah Malaysia, Tumbuhan Semenanjung Malaysia, Jilid 1 (2021))			Jumlah taksa terancam mengikut keluarga
	Sangat Terancam (CR)	Terancam (EN)	Mudah Terancam (VU)	
Anniophyllaceae	0	1	0	1
Apocynaceae	6	4	6	16
Burseraceae	0	0	1	1
Chrysobalanaceae	0	0	3	3
Dipterocarpaceae	17	37	37	91
Elaeocarpaceae	1	2	10	13
Erythroxylaceae	0	1	0	1
Juglandaceae	0	1	0	1
Lecythidaceae	5	3	7	15
Magnoliaceae	0	2	3	5
Meliaceae	2	2	9	13
Memecylaceae	3	1	2	6
Myristicaceae	3	4	8	15
Nyssaceae	1	1	0	2
Ochnaceae	0	1	0	1
Podocarpaceae	0	0	2	2
Sapindaceae	1	4	4	9
Symplocaceae	0	4	7	11
Tetrameristaceae	0	0	1	1

*Disediakan oleh FRIM

Katanya, program pemulihan hutan selepas pembalakan juga boleh dipertingkatkan dengan pemulihan usaha kutipan biji benih dan penyebaran biji benih oleh haiwan, perlindungan habitat dan kajian kesan iklim terhadap keupayaan daya maju genetik spesies hutan tropika.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Ismail Parlan, berkata FRIM melaksanakan pelbagai usaha bagi menangani masalah ancaman kepupusan spesies hutan itu, termasuk mempergiatkan aktiviti penilaian risiko ancaman tumbuhan di Malaysia.

Ismail berkata, senarai yang komprehensif amat penting dalam membantu perancangan dan perangkaan pengurusan sumber hutan, termasuk pemeliharaan spesies terancam, habitat dan fungsi ekosistem yang praktikal serta berkesan.

"FRIM menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan pemahaman terhadap biologi, ekologi serta genetik pokok terancam.

"Pemantauan populasi di habitat asal juga dijalankan untuk mengumpul data mengenai corak pembuangan dan pemuatan pokok terancam seperti *Dipterocarpus sarawakensis* (keruing layang), *Vatica yeechongii* (resak) dan *Shorea peltata* (meranti telapak).

"Sehingga kini, FRIM sudah menerbitkan tiga pelan tindakan pemuliharaan bagi *Aquilaria malaccensis* (karas), *Begonia herveyana* (asam batu) dan *Vatica yeechongii* (resak)," katanya.

FRIM turut bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, jabatan perhutanan negeri dan pemegang taruh lain dalam usaha pemuliharaan spesies pokok terancam di habitat asalnya (in situ) dan di luar habitat asal (ex situ).